

Penjara 36 tahun

Tukang kasut mengaku perkosa
anak tiri turut dihukum 18 sebatan

11.m 25/06/09 M/S 21

MAHKAMAH



>>Oleh Erywan Norshal

erywan@hmetro.com.my

KLANG: Seorang tukang kasut yang didakwa atas tiga tuduhan merogol anak tirinya pada lima tahun lalu dijatuhi hukuman penjara 36 tahun dan 18 sebatan oleh Mahkamah Sesyen, di sini, semalam.

Hakim Awang Krisnada Awang Mahmud menjatuhkan hukuman itu selepas lelaki berusia 46 tahun itu menukar pengakuan bersalah terhadap ketiga-tiga pertuduhan berkenaan.

Awang Krisnada ketika membuat keputusan itu memberitahu bahawa tertuduh melakukan kesalahan serius.

Justeru, beliau menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun dan enam sebatan bagi setiap pertuduhan serta berjalan berasingan bermula dari tarikh tang-

kan, 28 Februari 2005.

Bagi ketiga-tiga pertuduhan, dia didakwa merogol anak tirinya yang berusia 15 tahun di sebuah rumah di Dengkil, dekat sini, pada 3, 6 dan 11 Oktober 2004.

Lelaki terbabit didakwa mengikut Seksyen 376A Kanun Keseksaan dan boleh dikenakan hukuman penjara antara enam sehingga 20 tahun serta sebatan, jika disabit kesalahan.

Terdahulu, tertuduh dalam rayuannya meminta dikenakan hukuman ringan kerana menyara lima anak mereka isterinya juga tidak bekerja.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya Siti Syuhada Alwi meminta mahkamah mengenakan hukuman setimpal sekali gus memberi pengajaran kepada tertuduh.

Pada 24 April lalu, tertuduh diperintahkan membela diri atas tuduhan itu selepas pihak pendakwaan memanggil tujuh saksi.

Mangsa adalah anak sulung daripada lima beradik dan kejadian itu terbongkar apabila dia memberitahu gurunya.